

**BN Yakin Dapat Tawan Semula Lima Dari Lapan Kerusi DUN Pas Di Terengganu**  
**Bernama**  
**31 Mei, 2012**

KUALA TERENGGANU, 31 Mei (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) Terengganu yakin dapat menawan semula lima daripada lapan kerusi kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) yang dimenangi PAS pada pilihan raya umum ke-13 nanti.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Terengganu Datuk Seri Ahmad Said berkata berdasarkan sokongan rakyat dan kerja kuat jentera parti, tidak mustahil BN juga dapat merampas kembali satu kerusi Parlimen.

Ahmad berkata demikian kepada Bernama selepas menghadiri majlis perjumpaan dengan kepimpinan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) di sini Khamis.

Beliau bagaimanapun tidak menyebut DUN mana yang dimaksudkan itu. Terengganu mempunyai 32 kerusi DUN dan lapan kerusi Parlimen.

Lapan kerusi DUN yang kini dikuasai PAS ialah Batu Buruk, Ladang dan Wakaf Mempelam (ketiga-tiganya di bawah Parlimen Kuala Terengganu), Bukit Tunggul (Parlimen Kuala Nerus), Sura (Dungun), Rhu Rendang dan Bukit Payung (Marang) dan Manir (Hulu Terengganu).

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=670166>